

## **TATACARA PENYERTAAN AWAM**

1. Semak dan teliti kandungan Laporan Draf RTD Rembau 2025 (Penggantian) yang boleh didapati di 3 tempat pemeriksaan iaitu Majlis Daerah Rembau, Pejabat Tanah dan Daerah Rembau dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan, atau secara talian di [www.townplan.gov.my](http://www.townplan.gov.my), <http://jpbd.ns.gov.my> dan [www.mdr.gov.my](http://www.mdr.gov.my).
2. Semak dan teliti cadangan zoning guna tanah dan garis panduan perancangan serta projek-projek pembangunan yang terkandung di dalam Laporan.
3. Sekiranya terdapat sebarang maklum balas, cadangan, bantahan dan pandangan ke atas cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Laporan, sila membuat maklum balas menggunakan Borang Bantahan Awam yang disediakan di semua tempat pemeriksaan atau yang dimuat naik ke laman web berkaitan.
4. Borang yang telah lengkap perlu dihantar secara pos atau tangan ke mana-mana tempat pemeriksaan di atas pada atau sebelum 22 April 2013.
5. Untuk sebarang pertanyaan sila berhubung dengan pegawai berikut;
  - i. Pn. Yushalindasham bt Ibrahim (06-6851144);
  - ii. En. Md. Jauzi bin Johari (06-6851225); dan
  - iii. Pn. Siti Noraidah bt Idris (06-7569066).



**Terima Kasih  
Atas Maklumbalas Anda.**



## **5 TERAS PEMBANGUNAN DAERAH REMBAU**

### **PETEMPATAN BERKUALITI**

**Pembangunan petempatan bandar dan desa yang berkualiti, seimbang, berdaya saing dan saling melengkapri.**

### **KOMUNITI SEJAHTERA**

**Pembangunan perumahan dilengkapi dengan kemudahan masyarakat yang mencukupi, dan berkualiti di dalam persekitaran yang selamat.**

### **EKONOMI BERDAYA MAJU**

**Kepelbagai sektor yang mempunyai rantai nilai tambah iaitu pertanian, institusi, perdagangan dan perindustrian.**

### **SUMBERJAYA MAMPAN**

**Memelihara dan memulihara sumberjaya secara mampan.**

### **PENGURUSAN EFEKTIF**

**Perancangan dan pembangunan secara holistik.**



## **Program Publisiti & Penyertaan Awam**

**8 Mac hingga 8 April 2013**

**DRAF RANCANGAN  
TEMPATAN DAERAH**

# **Rembau 2025**

**(PENGANTIAN)**



**Rembau Membangun, Daerah Beradat,  
Komuniti Sejahtera**

## Apa itu Draf RTD Rembau 2025 (Penggantian)...

Draf Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Rembau 2025 (Penggantian) merupakan dokumen perancangan yang mengandungi Peta Cadangan dan Penyataan Bertulis yang memperincikan cadangan-cadangan pemajuan tanah di seluruh Daerah Rembau sehingga tahun 2025. Ia disediakan selaras dengan peruntukan Subseksyen 16(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

### LATAR BELAKANG DAERAH REMBAU

Keluasan : 41,512.10 hektar

Penduduk 2012 : 41,988 orang

Unjuran Penduduk 2025 : 51,800 orang

Aksesibiliti : Lebuhraya Utara Selatan, Jalan Persekutuan 1 dan Laluan Keretapi

Putus Petempatan Utama :

Bandar Rembau, Pekan Pedas dan Pekan Chembong.

PBPT : Majlis Daerah Rembau


### KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

"Konsep Pembangunan Tumpuan Mengikut Koridor" dengan berlandaskan kepada 3 strategi pembangunan iaitu Pusat Pertumbuhan, Koridor Pembangunan dan Zon Perancangan.

### WAWASAN PEMBANGUNAN REMBAU

**"Pembangunan Berteraskan Institusi Dan Disokong Oleh Pembangunan Agro Dan Eko Pelancongan Ke Arah Persekitaran Kualiti Kehidupan Mampan"**

### CADANGAN LEMBAH INSTITUSI



### KONSEP LEMBAH INSTITUSI

Sebuah jajaran atau kluster pembangunan yang bertujuan untuk melaksanakan pembangunan berasaskan pembangunan institusi dengan menggalakkan penciptaan, perkongsian, penilaian, pembaharuan dan pengemaskinian ilmu. Penumpuan kewujudan Institusi pengajian yang berteraskan agro dan eko yang menekankan kemahiran teknikal.

## CADANGAN UTAMA DRAFT RTD REMBAU 2025 (PENGGANTIAN)

- Cadangan Pembangunan Lembah Institusi;
- Cadangan Pembangunan Pusat Pentadbiran Baru Daerah Rembau;
- Cadangan Pembangunan Kompleks Sukan;
- Cadangan Zon Pertanian Khas, Industri Akuakultur dan Penternakan Integrasi;
- Cadangan Kompleks Terminal Pengangkutan Bersepadu;
- Cadangan terminal kendaraan berat;
- Cadangan Pembangunan Perniagaan dan Perindustrian Terancang;
- Cadangan naiktaraf kawasan eko-agro pelancongan, homestay, perkampungan budaya dan 'tourist trail';
- Cadangan zon pemuliharaan dan pemeliharaan bagi pengukuhkan imej bangunan lama; dan
- Cadangan menaiktaraf kemudahan infrastruktur dan utiliti.